



MOHAMAD Razali Osman (dua dari kiri) bertukar-tukar dokumen perjanjian dengan **Daing Nasir Ibrahim** pada majlis menandatangani MoU di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Sapura Industrial, UMP jalin kerjasama

BH (Kuala Lumpur)
 Jumaat 29/1/13 ms 4

KUALA LUMPUR – Pengeluar alat ganti automotif Sapura Industrial Berhad (SIB) telah mengorak langkah dalam pembangunan modal insan apabila menandatangani perjanjian dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk bekerjasama dalam bidang teknologi tinggi.

Kerjasama tersebut meliputi bidang seperti penyelidikan dan pembangunan, latihan industri, pembangunan kapasiti dan penyertaan yang lebih luas dalam program sedia ada universiti tersebut.

Majlis menandatangani perjanjian telah dimeterai oleh Ketua Pegawai Eksekutif SIB, Mohamad Razali Osman dan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing

Mohd. Nasir Daing Ibrahim baru-baru ini.

Menurut kenyataan media yang dikeluarkan SIB, perjanjian itu akan memanfaatkan sepenuhnya reputasi, kepakaran dan pengalaman syarikat dalam bidang pengeluaran, pemasangan, pembekalan, jualan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) peralatan ganti dan komponen-komponen automotif bagi pasaran dalam dan luar negara.

UMP pula memiliki pengkhususan tinggi dalam memberikan penyelidikan, pembangunan dan inovasi dalam bidang kejuruteraan dan teknologi serta menawarkan pakej lengkap untuk kursus berkualiti tinggi daripada program ijazah hinggalah ke lepasan ijazah.